

VoKAL, kumpulan sokongan pesakit buah pinggang akan dilancarkan

KUCHING: VoKAL (Voice-out Kidney Alliance), kumpulan sokongan pesakit buah pinggang akan dilancarkan sempena Forum Pesakit (Buah Pinggang) Tahunan Ke-16 pada 1 Oktober depan di sini.

Menurut Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF), VoKAL bukan sahaja rangkaian sokongan tetapi menyediakan advokasi dan khidmat nasihat yang menguatkan suara pesakit buah pinggang serta penjaga mereka, memacu perubahan melalui sokongan.

“VoKAL telah direka den-

gan teliti untuk memberi impak sebenar, membentuk penyelidikan, perundangan dan dasar kawal selia untuk meningkatkan penjagaan buah pinggang di Malaysia,” kata NKF menerusi kenyataan semalam.

Mengenai Forum Pesakit (Buah Pinggang) Tahunan Ke-16, NKF berkata ia akan dirasmikan oleh Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato Sri Dr Sim Kui Hian.

Menurut NKF forum kali

ini menjanjikan pengalaman menarik dan memberi banyak ilmu kepada para peserta kerana ia menampilkan barisan penceramah mengagumkan yang akan berkongsi kepakaran mereka dan pandangan yang tidak ternilai.

Antara topik yang bakal dibincangkan semasa forum itu ialah mengatasi gejala-gejala dialisis, pemindahan buah pinggang dan peruntukan organ, kisah dan pengalaman pesakit serta penderma darah dan sekatan makanan dan pesakit dialisis. Apa yang boleh dimakan?